



Headline: Pembantu kedai rugi RM600
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 27 August 2018

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 6

Pembantu kedai rugi RM600

SIBU: Seorang lelaki bekerja sebagai pembantu kedai kerugian RM600 selepas tertarik dengan iklan pinjaman peribadi secara atas talian melalui media sosial Facebook.

Mangsa, 21, berurusan dengan seorang wanita melalui aplikasi Whatsapp berhasrat meminjam RM5,000 namun dikehendaki membuat pembayaran untuk surat perjanjian.

Selepas itu, mangsa memasukkan wang sejumlah RM600 ke akaun suspek yang berjanji menyuruh seorang kerani memasukkan wang pinjaman itu.

Bagaimanapun, talian mangsa disekat serta-merta ketika dihubungi suspek memintanya memberi nombor akaun bank untuk memasukkan wang pinjaman itu.

Suspek memperdaya mangsa kononnya memasukkan wang ke akaun suspek bagi pinjaman peribadi yang semanganya tidak wujud.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.